

Bil. S 43

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENYIMPANAN REKOD (PERNIAGAAN), 2015

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan gelaran panjang.
 2. Tidak mengurangkan.
 3. Tafsiran.
 4. Pihak Berkuasa Yang Layak.
 5. Kewajipan untuk menyimpan dan menyelenggarakan rekod.
 6. Bahasa rekod.
 7. Kuasa untuk menghendaki rekod.
 8. Kuasa untuk meminta rekod, buku dll selanjutnya.
 9. Kuasa untuk mengakses maklumat.
 10. Hukuman.
 11. Kebolehterimaan keterangan.
 12. Pendedahan maklumat.
 13. Hukuman am.
 14. Komposisi kesalahan.
 15. Pengecualian.
 16. Peraturan-peraturan.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PENYIMPANAN REKOD (PERNIAGAAN), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyimpanan Rekod (Perniagaan), 2015.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi penyimpanan rekod perniagaan dan bagi maksud-maksud lain yang berkenaan atau berhubungan dengannya”.

Tidak mengurangkan.

2. Peruntukan-peruntukan Perintah ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain.

Tafsiran.

3. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“perniagaan” termasuk setiap bentuk tred, perdagangan, ketukangan, pekerjaan, profesion, kerjaya dan apa-apa aktiviti yang dijalankan untuk tujuan keuntungan;

“Pihak Berkuasa Yang Layak” bermakna Pihak Berkuasa Yang Layak yang dilantik di bawah bab 4;

“Menteri” bermakna Menteri Kewangan.

Pihak Berkuasa Yang Layak.

4. Menteri hendaklah melantik orang sebagaimana yang difikirkannya patut sebagai Pihak Berkuasa Yang Layak yang bertanggungjawab bagi pentadbiran am dan penyeliaan semua perkara yang dimaksudkan oleh Perintah ini.

Kewajipan untuk menyimpan dan menyelenggarakan rekod.

5. (1) Setiap orang yang mengusahakan atau menjalankan apa-apa perniagaan hendaklah —

(a) menyimpan dan menyelenggarakan rekod setiap transaksi yang dijalankan berkaitan dengan perniagaan itu; dan

(b) mengeluarkan resit bercetak dengan nombor bersiri bagi setiap jumlah wang yang diterima berkaitan dengan barang-barang yang dijual atau perkhidmatan yang dilakukan semasa menjalankan atau berhubung dengan perniagaan itu dan hendaklah menyimpan salinan setiap resit tersebut.

(2) Orang itu hendaklah menyimpan rekod tersebut bagi suatu tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun dari tarikh transaksi itu dibuat pada atau selepas permulaan kuat kuasa Perintah ini.

(3) Jika suatu mesin digunakan untuk merekodkan jualan, resit tidak diperlukan jika —

(a) mesin itu merekodkan secara automatik semua jualan yang dibuat; dan

(b) jumlah semua jualan yang dibuat pada tiap-tiap hari dipindahkan akhirnya kepada suatu rekod jualan.

(4) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah gagal mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(5) Dalam bab ini, “rekod” termasuk —

(a) buku akaun yang merekodkan wang masuk, pembayaran, pendapatan dan perbelanjaan;

(b) invoice, baucar, resit dan dokumen lain sebagaimana yang pada pendapat Pihak Berkuasa Yang Layak perlu untuk mengesahkan catatan dalam mana-mana buku akaun; dan

(c) apa-apa rekod yang berkaitan dengan apa-apa perniagaan.

Bahasa rekod.

6. Rekod transaksi yang disebut dalam bab 5 hendaklah dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

Kuasa untuk menghendaki rekod.

7. (1) Pihak Berkuasa Yang Layak atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Yang Layak secara bertulis bagi maksud itu boleh —

(a) dengan notis secara bertulis kepada mana-mana orang yang mengusahakan atau menjalankan apa-apa perniagaan; atau

(b) dengan notis yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* berkaitan dengan mana-mana golongan atau perihalan mana-mana orang itu,

menghendaki orang itu atau golongan atau perihalan orang itu untuk mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Yang Layak dalam tempoh masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu, suatu rekod dalam bentuk sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Yang Layak, yang memberikan butir-butir dan maklumat yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Tiada seorang pun terikat memberikan apa-apa butir atau maklumat selain dari yang boleh diakses olehnya semasa menjalankan atau yang dapat diperolehinya dari mana-mana perniagaan yang dia terlibat menjalankannya atau menyelinya.

(3) Pihak Berkuasa Yang Layak boleh menyetepikan semua atau mana-mana peruntukan cerai (1) berkaitan dengan mana-mana orang, golongan atau perihalan orang, atau butir-butir dan maklumat.

(4) Mana-mana orang yang gagal mematuhi kehendak yang dikenakan oleh cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa untuk meminta rekod, buku dll selanjutnya.

8. (1) Bagi maksud-maksud mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan apa-apa rekod, Pihak Berkuasa Yang Layak atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Yang Layak secara bertulis bagi maksud itu boleh dengan notis secara bertulis kepada mana-mana orang yang mengusahakan atau menjalankan apa-apa perniagaan, menghendaki orang itu dalam tempoh masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu, untuk menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Yang Layak apa-apa rekod yang dinyatakan dalam notis itu dan sebagai tambahan atau sebagai pilihan menghendaki orang itu untuk hadir sendiri di hadapannya dan mengemukakan untuk pemeriksaan apa-apa buku, dokumen, akaun dan rekod yang mungkin dianggap perlu oleh Pihak Berkuasa Yang Layak.

(2) Permintaan tersebut boleh menyatakan —

(a) bentuk bagaimana butir-butir dan maklumat itu hendak diberikan;

(b) butir-butir dan maklumat yang hendak diberikan;

(c) tempat di mana atau cara bagaimana butir-butir dan maklumat itu hendak diserahkan.

Kuasa untuk mengakses maklumat.

9. (1) Pihak Berkuasa Yang Layak dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Yang Layak bagi maksud itu —

(a) hendaklah pada setiap masa mempunyai akses penuh dan bebas kepada semua bangunan, tempat, dokumen, komputer, program komputer dan perisian komputer (sama ada terpasang dalam suatu komputer atau pun selainnya) bagi sebarang maksud Perintah ini;

(b) hendaklah mempunyai akses kepada apa-apa maklumat, kod atau teknologi yang berkeupayaan mengubah semula atau untuk tidak mencampuradukkan data terenkripsi yang terkandung atau tersedia ada dalam komputer itu menjadi format atau teks yang boleh dibaca dan komprehensif bagi sebarang maksud Perintah ini;

(c) adalah berhak —

(i) tanpa bayaran atau upah, untuk memeriksa, menyalin atau membuat cabutan daripada mana-mana dokumen, komputer, program komputer, perisian komputer atau output komputer itu;

(ii) pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa dan menyemak pengendalian mana-mana komputer, peranti, alat atau bahan yang digunakan atau telah digunakan berhubung dengan apa-apa jua yang dikenakan bab ini;

(d) boleh mengambil milik mana-mana dokumen, komputer, peranti, alat, bahan, program komputer atau perisian komputer itu jika pada pendapatnya —

(i) pemeriksaan, penyemakan, penyalinannya atau pencabutan daripadanya tidak dapat dilakukan dengan munasabah tanpa mengambil milik;

(ii) mana-mana benda tersebut boleh diusik atau dimusnahkan melainkan jika pemilikan diambil; atau

(iii) mana-mana benda tersebut mungkin dikehendaki sebagai keterangan dalam prosiding kerana suatu kesalahan terhadap Perintah ini;

(e) adalah berhak menghendaki —

- (i) orang yang menggunakan atau telah menggunakan atau yang bagi pihaknya komputer itu digunakan atau telah digunakan, atau mana-mana orang yang menjaga atau pun selainnya terlibat dalam pengendalian komputer, peranti, alat atau bahan itu untuk memberikan kepada pegawai itu bantuan yang munasabah sebagaimana yang mungkin dikehendakinya bagi maksud-maksud bab ini;
- (ii) mana-mana orang yang memiliki maklumat dekripsi untuk memberi akses kepadanya pada maklumat dekripsi yang diperlukan untuk mendekripsi data yang dikehendaki bagi maksud bab ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menurut bab ini diwajibkan untuk mendedahkan apa-apa butir yang dia berkewajipan di sisi statut untuk merahsiakannya.

(3) Dalam bab ini, “komputer” dan “output komputer” mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Penyalahgunaan Komputer (Penggagal 194).

Hukuman.

10. (1) Mana-mana orang yang —

(a) tanpa alasan yang sah (yang buktinya terletak kepadanya), dengan sengaja enggan atau lalai memberikan butir-butir atau maklumat yang dikehendaki atas permintaan dalam tempoh masa yang dibenarkan bagi pemberiannya atau untuk memberikannya dalam bentuk yang dinyatakan atau ditetapkan, atau untuk mengesahkannya mengikut cara yang ditetapkan, atau untuk menyerahkannya di tempat atau mengikut cara yang dinyatakan atau ditetapkan bagi penyerahannya;

(b) dengan sengaja memberikan atau menyebabkan untuk diberikan apa-apa butir atau maklumat palsu berkaitan dengan apa-apa perkara yang dinyatakan dalam notis yang menghendaki supaya butir-butir atau maklumat diberikan; atau

(c) enggan menjawab, atau dengan sengaja memberikan jawapan palsu kepada, apa-apa soalan yang perlu untuk mendapatkan apa-apa butir atau maklumat yang dikehendaki atas permintaan untuk diberikan di bawah Perintah ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang

berterusan, denda tambahan tidak melebihi \$50 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

(2) Suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pihak Berkuasa Yang Layak yang menyatakan bahawa rekod tersebut belum diberikan atau tidak betul adalah keterangan *prima facie* mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu.

Kebolehterimaan keterangan.

11. Dalam mana-mana prosiding di bawah Perintah ini —

(a) apa-apa rekod transaksi yang disimpan menurut bab 5 boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya;

(b) apa-apa salinan catatan dalam rekod transaksi yang diperakui oleh orang yang mengusahakan atau menjalankan apa-apa perniagaan atau orang yang dikehendaki menyimpan rekod itu sebagai satu salinan catatan yang benar boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalam catatan itu; dan

(c) apa-apa dokumen yang dikatakan sebagai suatu rekod transaksi yang disimpan di bawah bab 5 atau dikatakan sebagai satu salinan yang diperakui seperti yang disebutkan dalam perenggan (b), hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, dianggap sebagai buku, rekod atau salinan tersebut, mengikut mana yang berkenaan.

Pendedahan maklumat.

12. (1) Tiada seorang pun boleh mendedahkan apa-apa butir atau maklumat yang diperolehi di bawah bab-bab 7 dan 9 tanpa persetujuan secara bertulis terlebih dahulu daripada orang yang mengawal, mengurus atau mengawasi perniagaan itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan ceraihan (1), Pihak Berkuasa Yang Layak boleh mendedahkan butir-butir atau maklumat yang diperolehi di bawah bab-bab 7 dan 9 bagi maksud-maksud yang berikut —

(a) pengumpulan dan penyediaan statistik;

(b) pendakwaan di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain;

(c) pertukaran maklumat di bawah sebarang penyusunan yang dibuat antara Kerajaan dengan kerajaan mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam; atau

(d) maksud lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(3) Pihak Berkuasa Yang Layak boleh, berkenaan dengan apa-apa butir atau maklumat yang didedahkan di bawah cerai (2) kepada mana-mana orang, mengenakan syarat-syarat tentang penggunaan butir-butir atau maklumat tersebut dengan notis secara bertulis kepada orang itu.

(4) Jika mana-mana orang mendedahkan apa-apa rekod atau apa-apa butir atau maklumat bertentangan dengan bab ini, atau gagal mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan kepadanya di bawah cerai (3), dia adalah melakukan suatu kesalahan.

Hukuman am.

13. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, jika tiada hukuman lain diperuntukkan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000.

Komposisi kesalahan.

14. (1) Pihak Berkuasa Yang Layak atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Yang Layak secara bertulis bagi maksud itu boleh mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Perintah ini dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi \$1,000.

(2) Setelah jumlah wang tersebut dibayar, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan tersebut.

Pengecualian.

15. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Perintah ini.

Peraturan-peraturan.

16. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan apa-apa bayaran atau perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

[2] Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 23 haribulan Jun, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM